



KAKITANGAN JPV Terengganu menunjukkan kaedah pembuatan sijj kepada peternak.

11/4/17  
Selangor

## Ajar penternak lembu buat rumput jeruk

**Kuala Terengganu:** Peternak lembu dan kambing di negeri ini yang sering mengalami masalah kekurangan sumber makanan ternakan pada musim kemarau dan tengkujuh lega apabila Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) negeri menunjukkan cara penghasilan rumput jeruk atau silaj.

Pengarah JPV Terengganu, Dr Mohd Tamizi Ghazali berkata, 40 peternak termasuk lembu dan kambing menyertai kursus pembuatan silaj itu, sekali gus memberdayakan mereka kaedah penghasilan berkualiti serta baik untuk ternakan.

"Sebelum ini mereka beli silaj daripada peniaga se-

dangkan rumput jeruk itu boleh disediakan sendiri bagi menjamin kualit, malah menjimatkan kos.

"Pelbagai jenis tanaman boleh digunakan namun kami mengajar mereka cara pembuatan paling mudah dengan kos rendah tetapi berkhasiat," katanya selepas merasmikan Kursus Pembuatan Silaj di Pejabat JPV Manir, semalam.

Malah, peternak yang kekurangan tanah untuk menanam rumput juga boleh menggunakan silaj itu untuk memberi makan ternakan mereka.

"Istimewanya silaj kerana ia boleh disimpan dalam jangka masa lama seterus-

nya menjamin bekalan makanan untuk ternakan setiap masa," katanya.

Sementara itu, peserta dari Kampung Pulai Rusa, Mohd Shahrir Mustapha, 35, berkata, sebahagian peternak tahu cara membuat silaj tetapi hasilnya kurang berkualiti dan tidak tahan lama.

"Kursus ini memberi ilmu baru kepada kami cara pembuatan silaj yang berkualiti dan boleh disimpan lama."

"Sebelum ini kami membeli silaj pada harga RM10 bagi 25 kilogram bergantung kepada jenis. Kini kami boleh menghasilkan sendiri dan menjimatkan belanja," katanya.